

02 NOV 1997

G15-kemuncak

PEMIMPIN G15 KAJI GLOBALISASI DAN LIBERALISASI

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin G15 bersidang di sini esok untuk menilai kesan globalisasi terhadap negara membangun selain membincangkan langkah meningkatkan kerjasama perdagangan, pelaburan dan teknologi bagi kepentingan 1.74 bilion rakyat yang mereka wakili.

Mereka juga dijangka mengeluarkan kenyataan khas mengenai masalah kesusutan nilai mata wang yang melibatkan dua anggotanya, Malaysia dan Indonesia, serta beberapa negara lain.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan mempengerusikan sidang kemuncak ketujuh itu, telahpun mencadangkan agar urus niaga mata wang dikawal selia selain lantang membidas spekulator penyangak yang merompak negara miskin.

Semalam, semasa merasmikan Pameran Perdagangan G15, Perdana Menteri menyentuh soal globalisasi dengan mengingatkan negara membangun supaya sedar tentang risiko membuka pasaran mereka kepada negara maju sedangkan takrif sebenar globalisasi dan liberalisasi masih kabur.

Dr Mahathir, antara pengasas dan penyokong kuat G15, berkata kejayaan kumpulan itu bergantung kepada kemampuan mereka memahami perubahan dalam pasaran sejagat dan untuk mempengaruhi perubahan ini bagi kebaikan mereka.

G15 terdiri daripada Algeria, Argentina, Brazil, Chile, India, Indonesia, Jamaica, Malaysia, Mesir, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Venezuela dan Zimbabwe. Kenya akan diterima sebagai anggota baru pada sidang kemuncak di sini.

Pemimpin-pemimpin itu yang termasuk Presiden Mesir Hosni Mubarak, Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Peru Alberto Fujimori dan Presiden Indonesia Suharto dijangka membincangkan cara meningkatkan dialog Utara-Selatan dan meminta negara maju melaksanakan janji mereka kepada negara membangun dan yang mundur.

Perbincangan akan meliputi akses kepada pasaran negara maju dan usaha untuk memberi kelonggaran kepada negara membangun dalam proses Pertubuhan Perdagangan Sedunia.

Para pemimpin itu akan menimbang perakuan menteri-menteri ekonomi mereka yang bermesyuarat buat pertama kalinya di sini bagi menghalusi cadangan-cadangan untuk menggiatkan lagi perdagangan dan pelaburan sesama negara G15, dan yang lebih penting, bagi mencari kata sepakat untuk persidangan WTO di Geneva Mei tahun depan.

Menteri-menteri ekonomi mahukan penyertaan lebih banyak dari sektor swasta untuk merangsang perdagangan di kalangan negara G15, yang meningkat dari US\$64 bilion pada 1995 kepada US\$72 bilion tahun lepas.

Dengan bilangan penduduk begitu besar serta jumlah perdagangan hampir US\$800 bilion tahun lepas, G15 menyediakan pelbagai peluang untuk semua negara anggotanya.

Para pemimpin itu juga mungkin mengkaji semula kekerapan pertemuan mereka kerana sejak 1990, sidang kemuncak belum pernah mencatat kehadiran yang penuh.

Seorang pegawai berkata pemimpin-pemimpin itu dijangka membuat keputusan mengenai persoalan itu semasa perentian mereka di Melaka.

Sidang kemuncak tahun depan akan berlangsung di Jamaica manakala Mesir disebut sebagai tuan rumah pada 1999. -- BERNAMA

TCL MAI